

Laporan Tahunan Annual Report 2014

اوڠ نړو د سیتی باټ تیکنولوژۍ همایارا



LAPORAN INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA) 2014

1.0 *Pengenalan*

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) ialah badan yang menguruskan semua hal ehwal mengenai kualiti di Universiti Teknologi MARA. Sebagai pusat jaminan kualiti, InQKA bertanggungjawab bukan sahaja merancang, malah bertindak sebagai pemangkin kepada semua aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan di peringkat universiti, fakulti, dan kampus negeri serta cawangannya dalam memastikan kepatuhan kepada Code Of Practice for Institutional Audit (COPIA), Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) serta ISO 9001.

UiTM masih mengekalkan Pensijilan ISO9001:2008 di peringkat korporat oleh badan pensijilan LRQA yang mana InQKA masih berperanan sebagai sekretariat. InQKA juga mengkoordinasi anugerah kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Bagi tahun 2014, InQKA telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Audit Autonomi KPM / MPC dan Naziran ICU JPM.

Berikut merupakan pelaporan aktiviti yang telah dijalankan di InQKA sepanjang tahun 2014.

2.0 *Dasar Jaminan dan Pengukuhan Kualiti*

Universiti Teknologi MARA atau UiTM mempunyai 12 kampus negeri dan 27 fakulti dan pusat akademik. Untuk mencapai keseragaman di sebuah institusi berkapasiti besar seperti UiTM, satu dasar kualiti perlu diwujudkan untuk dijadikan panduan serta rujukan utama kualiti bagi semua PTJ.

Dasar kualiti ini telah mula dikonsepkan pada tahun 2013 dimana InQKA telah mula merangka dan menulisnya di peringkat awal. Seterusnya, perbincangan telah diadakan bersama ketua-ketua InQKA dan maklumbalas juga telah diterima dari semua Ketua Unit Kualiti kampus-kampus yang terlibat bagi memantapkan lagi kandungan dasar kualiti yang telah dirangka itu.

Dasar ini telah dibentangkan di Mesyuarat Senat Ke 193 pada 22 Ogos 2014 (Perkara A3.3044.03) dan diluluskan di Mesyuarat Senat Ke 194 pada 17 September 2014.

3.0 *Penilaian Luar InQKA*


Salah satu fungsi utama InQKA ialah menjalankan penilaian dan audit di peringkat universiti untuk menilai tahap keberkesanan perancangan dan tindakan bersistematis yang telah dijudikan seperti polisi, strategi, prosedur dan aktiviti di UiTM. Penilaian Luar InQKA (InQKA External Review) menilai keupayaan sistem jaminan kualiti di PTJ dalam memenuhi dan menjangkaui piawaian oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) iaitu COPIA (Code of Practice for Institutional Audit) dan COPPA (Code of Practice for Programme Accreditation).

Proses penambahbaikan PTJ melalui SPK yang berlandaskan ISO9001 disemak dari segi keberkesanan perancangan, perlaksanaan, pemantauan, tindakan hingga keberhasilan.

Hasil Penilaian Luar tersebut dilaporkan sebagai Laporan Penilaian Luar (External Review Report – ERR) yang menyenaraikan penemuan daripada penilaian terdahulu serta kekuatan PTJ tersebut dan tindakan yang dilaksana (actions in progress) dan penambahbaikan yang dibuat pada kelemahan (areas of concern). Laporan bertulis ini akan dihantar ke PTJ berkenaan untuk disemak dan PTJ diminta untuk mengambil tindakan selanjutnya dan melaporkan tindakan yang diambil dalam bentuk bertulis. Laporan Penilaian Luar yang telah dikemaskini dan diperbetulkan akan dibentangkan di Senat – adakah sebagai makluman atau untuk mendapatkan keputusan di peringkat atasan pula. Sepanjang Penilaian Luar dijalankan, kerjasama yang diberikan dari setiap PTJ adalah amat baik dan ini antara faktor yang telah melancarkan lagi proses penilaian tersebut.

Memandangkan penilaian ini merupakan satu mekanisme untuk menilai dasar-dasar yang digunakan dan sejauh mana hasil seperti yang dikehendaki tercapai, aktiviti ini telah membawa kepada semakan, penambahbaikan dan pembentukan dasar/peraturan/garis panduan. Antara yang terhasil pada tahun 2014 termasuk Dasar Jaminan & Pengukuhan Kualiti (rujuk perkara 2.0 di atas) dan Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM terbitan Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM (HEA).

Penilaian ini juga telah menjimatkan kos di pihak UiTM dari segi pengauditan pihak ketiga (dahulunya LRQA). Penjimatan kos setahun kepada UiTM bagi tujuan ini bernilai tidak kurang daripada RM345,600. Kiraan berdasarkan 36 PTJ x 4 mandays x RM2400/manday kerana penilaian dilaksanakan sepenuhnya oleh panel Penilai Luar InQKA yang terdiri daripada staf akademik UiTM yang terlatih yang menjalankan tugas tanpa sebarang bayaran tetapi diberi nilai Kesetaraan Jam Syarahan (KJS). Penjimatan kos juga dapat dicapai dari segi melatih sendiri para penilai tersebut di dalam latihan Penilaian Luar oleh InQKA (External Review Training – ERT). Secara tidak langsung, impak kepada menjalankan penilaian luar juga dapat dilihat pada aspek kepuasan hati graduan terhadap UiTM yang telah menunjukkan peningkatan seperti carta berikut:




Carta 1 : Tahap Kepuasan Hati Graduan UiTM (2004-2013)

Kitaran kedua Penilaian Luar InQKA 2014 bermula dari Februari 2013 hingga Disember 2014. Terdapat tujuh belas (17) PTJ yang telah dilawati iaitu Fakulti Sains Gunaan, Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS), Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Fakulti Perubatan, Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur serta Fakulti Farmasi. Berikut ialah jadual bagi Penilaian Luar yang telah dijalankan oleh InQKA pada tahun 2014:

Jadual 1: Penilaian Luar InQKA 2014

BIL	KAMPUS/FAKULTI	TARIKH	TEMPOH
1	Pahang	27 - 29 JAN	3 HARI
2	Perak	03 - 05 FEB	3 HARI
3	FiTA	31 MAC – 02 APR	3 HARI
4	Muzik	21 – 23 APR	3 HARI
5	FSR	28 – 30 APR	3 HARI
6	Pergigian	05 – 06 MEI	2 HARI
7	FKK	19 – 20 MEI	2 HARI
8	FKE		2 HARI
9	FKA	02 – 03 JUN	2 HARI
10	FKM	16 -17 JUN	2 HARI
11	FSG	22 - 24 SEP	3 HARI
12	AAGBS	29 - 30 SEP	2 HARI
13	FSPPP	13 – 15 OKT	3 HARI
14	ACIS	20 – 21 OKT	2 HARI
15	PERUBATAN	27 – 28 OKT	2 HARI
16	FARMASI	10 – 11 NOV	2 HARI
17	FSPU	17 – 19 NOV	3 HARI

InQKA juga telah mengedarkan borang maklumbalas kepada PTJ yang dilawati untuk menilai tahap keberkesanan Penilaian Luar ini. Hasil maklumbalas yang diterima daripada 190 responden menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan cara penilaian luar dijalankan di setiap PTJ. Kriteria yang dinilai juga terdiri daripada perancangan, komunikasi, masa pelaporan dan umum. Carta berikut menunjukkan hasil analisa yang menunjukkan tahap keberkesanan pengendalian Penilaian Luar oleh InQKA:



Carta 2 : Purata Keberkesanan Penilaian Luar InQKA 2014

Gambar-gambar Sekitar Penilaian Luar InQKA 2014



4.0 *Sistem Pengurusan Kualiti 2014 (SPK)*

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) telah lama wujud di UiTM iaitu sekitar tahun 2003 lagi. Kepentingan SPK dalam sesebuah organisasi tidak dapat dipertikaikan dan selaras dengan itu pada tahun 2014, usaha-usaha untuk memantap dan mengukuhkan lagi SPK universiti telah dilaksanakan di bawah Projek Khas Naib Canselor : Sistem Pengurusan Kualiti Versi 2. Dengan itu, kursus-kursus berkaitan kualiti telah dianjurkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kakitangan dalam pengurusan kualiti demi memantapkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti universiti yang telah sedia ada dan juga sebagai persediaan di masa hadapan. SPK yang mantap dan diselenggarakan dengan baik dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses-proses teras dan sokongan UiTM melalui pelaksanaan operasi dan aktiviti-aktiviti penambahbaikan yang berterusan.

Untuk memastikan keutuhan SPK universiti, Dasar Jaminan dan Pengukuhan Kualiti juga telah dirangka oleh InQKA. Di samping itu, semakan ke atas dokumen-dokumen kualiti juga sedang dilakukan untuk memastikan semua PTJ mengambil kira dan menerapkan dasar-dasar dan proses-proses baru serta skop yang merangkumi program pascasiswa Zahah ke dalam dokumen kualiti masing-masing.

Sistem pengurusan kualiti UiTM dipantau oleh badan pensijilan luar iaitu Lloyd's Register (LRQA). Pada tahun 2014, pemantauan luar oleh LRQA telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada 25 Februari 2014 dan 2 September 2014. Laporan pemantauan LRQA telah menunjukkan bahawa sistem pengurusan kualiti UiTM masih dilaksanakan dengan efektif. Bukti menunjukkan bahawa pengurusan UiTM komited dalam pengurusan dan pelaksanaan sistem ini. Hasil dari pemantauan juga menunjukkan terdapatnya peningkatan dalam

penampaikan objektif kualiti UiTM. Namun begitu masih ada ruang kepada penambahbaikan bagi beberapa isu yang berkaitan.

4.1 *Audit Dalaman bagi Pensijilan Korporat Bil 13 (01/2014)*

Audit Dalaman ISO 9001:2008 Peringkat Korporat dijalankan dan diselenggarakan bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) terus dilaksanakan dan disenggara di peringkat korporat bagi memantapkan lagi pengurusan perancangan strategik universiti. Sebanyak tujuh (7) pusat tanggungjawab telah diaudit bermula dari April hingga Jun 2014. Auditor yang dilantik terdiri daripada Ketua Juruaudit (Lead Assessors) yang telah lulus ujian Kursus Ketua Juruaudit anjuran Total Organization Management Consulting TOMC (M) Sdn. Bhd. Laporan penemuan bagi pusat tanggungjawab (PTJ) yang diaudit dilaporkan melalui Sistem e-Pelaporan Audit Dalam (SePADU) yang telah dibangunkan oleh InQKA.

Disertakan jadual audit dalam ISO 9001:2008 di peringkat korporat beserta auditor bagi pusat tanggungjawab yang telah diaudit.

Jadual 2 : Audit Dalaman ISO 9001:2008 Peringkat Korporat

Tarikh	Pusat Tanggungjawab	Auditor
02 April 2014 (Rabu)	Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Institut Kepimpinan & Pengurusan Kualiti (iLQAM)	Encik Mohd Ehsan Amin Encik Badrul Hisham Hussein Puan Rokiah Haming Sumpa Puan Aznur Umiza Abu Kassim
16 April 2014 (Rabu)	Jabatan Komunikasi Korporat	Puan Norkiah Ishak Puan Hjh Rosida Ahmad Junid
07 Mei 2014 (Rabu)	Pejabat Teknologi Maklumat (Infotech)	Tuan Hj Mohd Pozi Mohd Tahir Encik Nor Amiruddin Mokhtaruddin
14 Mei 2014 (Rabu)	Pusat i-Learn	Puan Siti Fatahiyah Mahamood Puan Aznur Umiza Abu Kassim
21 Mei 2014 (Rabu)	Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)	Tuan Hj Mohd Muhiddin Ahmad Ustaz Mohd Adib Shujaa' Ahmad
04 Jun 2014 (Rabu)	Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Tema: Kemahiran Insaniah	Cik Nadzira Yahaya Puan Musmailina Mustafa Kamal
02 Julai 2014 (Rabu)	Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni	Encik Mohd Elfee Ab Rashid Puan Ainul Zanariah Hj Abd Aziz
10 Julai 2014 (Khamis)	Institut Pengajian Siswazah (iPSIS)	Prof Madya Norhayati Ahmad Dr Lim Siong Meng
06 Ogos 2014 (Rabu)	Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)	Prof Madya Dr Rohana Mahbub Dr Zarita Ahmad Baharum

5.0 *Anugerah Kualiti Naib Canselor*

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) ialah anugerah tahunan yang diberikan kepada PTJ yang telah menunjukkan prestasi cemerlang di dalam pengurusan kualiti. Aktiviti AKNC akan bermula sejak awal tahun lagi supaya maklumat dapat diberikan kepada warga UiTM sebelum tiba ke acara kemuncak iaitu penganugerahan piala dan hadiah kepada pemenang di akhir tahun.

Sesi pemakluman awal dan bengkel penulisan laporan AKNC telah diadakan pada 1 April 2014 di Dewan Bestari, Kolej Mawar, UiTM Shah Alam. Semua PTJ yang terdiri dari kampus negeri, fakulti dan bahagian telah dijemput untuk menghadiri sesi ini yang bertujuan untuk memberi makluman awal mengenai AKNC dan pelaksanaan penilaian serta syarat-syarat pertandingan. Selain itu, peserta juga diberi taklimat mengenai cara menulis laporan AKNC di mana format laporan dan kriteria AKNC telah diberikan.

Aktiviti kedua AKNC ialah Latihan untuk Penilai AKNC yang telah diadakan di Dewan Bestari, Kolej Mawar, UiTM Shah Alam pada 23 dan 24 Jun 2014. Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para penilai AKNC mengenai cara penilaian dibuat. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada wakil jabatan, fakulti dan kampus negeri telah menghadiri sesi latihan tersebut. Para penilai bagi tahun 2013 juga telah dijemput hadir untuk berkongsi pengalaman dan memberi input tentang cara penilaian dibuat. Bermula tahun 2014 juga, peraturan AKNC yang baru menetapkan bahawa pusat tangungjawab (PTJ) yang tidak memenuhi syarat tidak akan tercalon dalam senarai-pendek finalis.

Semua PTJ yang menyertai AKNC dikehendaki menghantar Laporan AKNC 2013 masing-masing pada 14 Julai 2014. Untuk mendapatkan maklumbalas mengenai AKNC secara umum, satu kajian/soal selidik AKNC secara atas talian (e-IQ) juga telah dilancarkan bermula 17 Mac 2014 da tarikh akhir pengisian kajian ini ialah pada 31 Disember 2014. Setiap PTJ perlu memastikan sekurang-kurangnya 40 orang staf dan 40 orang pelajar (Fakulti/Kampus Negeri sahaja) telah memberi respon kepada kajian/soal selidik tersebut.

Aktiviti AKNC akan dijalankan mengikut jadual seperti berikut:

Jadual 3 : Kalendar Aktiviti AKNC 2014

Aktiviti	Tarikh	Pegawai Terlibat
Pemakluman awal dan bengkel penulisan laporan AKNC	1 April	KUPQ, JK AKNC
Latihan Penilaian AKNC (Penilai baru & lama)	23 dan 24 Jun	KUPQ, JK AKNC
Penyerahan Laporan AKNC 2013	14 Julai	Penilai
Sesi Penilaian Laporan	24 – 27 Ogos	Penilai
Pengurusan Markah	1 – 5 Sep	InQKA
Finalis diumumkan	14 Okt	InQKA
Pembentangan Akhir oleh Finalis	6 Nov	KUPQ & Pengurusan
Audit Keputusan Akhir	17 Nov	InQKA
Pengumuman pemenang di Hari Inovasi 2014	5 Dis	InQKA
Maklumbalas kepada PTJ	Dis 2014 hingga Mac 2015	InQKA

5.1 *Nilai Hadiah AKNC*

Nilai hadiah anugerah ini ialah seperti jadual di bawah:

BIL	KATEGORI PEMENANG	NILAI (RM)
1	KRITERIA	2,000.00
2	JUARA KAMPUS NEGERI / FAKULTI / BAHAGIAN	5,000.00
3	JUARA KESELURUHAN	20,000.00

5.2 Senarai Pemenang Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM 2014

Peserta AKNC dikategorikan mengikut kampus, fakulti dan bahagian dan dinilai menggunakan kriteria yang sama. Pemenang bagi setiap kategori ialah seperti yang tertera dalam Jadual 4, 5 dan 6.

5.2.1 Kampus Negeri

Jadual 4 : Pemenang Kategori Kampus Negeri AKNC 2014

BIL	KRITERIA	PEMENANG
1.	Kepimpinan	PAHANG
2.	Perancangan Strategik	SABAH
3.	Tumpuan Kepada Pelanggan	PAHANG
4.	Pengukuran Analisis & Pengurusan Pengetahuan	PAHANG
5.	Tumpuan Kepada Tenaga Kerja	PAHANG
6.	Tumpuan Kepada Proses	PERAK
7.	Hasil Pencapaian	PERAK
8.	Inovasi	PERAK
9.	Juara Kampus Negeri	PERAK

5.2.2 Fakulti

Jadual 5 : Pemenang Kategori Fakulti AKNC 2014

BIL	KRITERIA	PEMENANG
1.	Kepimpinan	KEJURUTERAAN KIMIA
2.	Perancangan Strategik	KEJURUTERAAN MEKANIKAL
3.	Tumpuan Kepada Pelanggan	TIADA PEMENANG
4.	Pengukuran Analisis & Pengurusan Pengetahuan	TIADA PEMENANG
5.	Tumpuan Kepada Tenaga Kerja	KEJURUTERAAN ELEKTRIK
6.	Tumpuan Kepada Proses	TIADA PEMENANG
7.	Hasil Pencapaian	KEJURUTERAAN MEKANIKAL
8.	Inovasi	KEJURUTERAAN KIMIA
9.	Juara Fakulti	KEJURUTERAAN MEKANIKAL

5.2.3 *Bahagian*

Jadual 6 : Pemenang Kategori Bahagian AKNC 2014


BIL	KRITERIA	PEMENANG
1.	Kepimpinan	BENDAHARI
2.	Perancangan Strategik	PTAR
3.	Tumpuan Kepada Pelanggan	PTAR
4.	Pengukuran Analisis & Pengurusan Pengetahuan	PTAR
5.	Tumpuan Kepada Tenaga Kerja	PENDAFTAR
6.	Tumpuan Kepada Proses	BENDAHARI
7.	Hasil Pencapaian	PTAR
8.	Inovasi	BENDAHARI
9.	Juara Bahagian	PTAR

JUARA KESELURUHAN AKNC 2014: UiTM PERAK

5.3 *Analisa Sesi Latihan Penilaian Laporan AKNC 2014*

Hasil maklumbalas yang diterima daripada dari kalangan penilai AKNC yang terdiri daripada 53 orang pada Sesi Latihan Penilaian Laporan AKNC 2014 menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan kursus yang telah dijalankan. Kriteria soal selidik merangkumi persediaan, kandungan, fasilitator, kemudahan dan kepuasan umum. Skala yang digunakan ialah seperti berikut:

- | | |
|-------------------------|------------------|
| 1 – Sangat Tidak Setuju | 2 – Tidak Setuju |
| 3 – Sederhana | 4 – Setuju |
| 5 – Sangat Setuju | |



Carta 3 : Maklumbalas Sesi Latihan Penilaian Laporan AKNC 2014

Gambar-gambar sekitar AKNC 2014



5.4 Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM 2014

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi Universiti Teknologi MARA 2014 telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam, pada 5 Disember 2014. Majlis yang bertemakan "Islam Peneraju Inovasi dan Transformasi 2014" ini dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM, Yang Berusaha Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Hj Sahol Hamid Abu Bakar, FASc.

Objektif Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM ialah untuk meraikan kakitangan UiTM yang telah menyumbang ke arah perkhidmatan cemerlang serta untuk menghargai jasa semua pihak yang telah membudayakan kualiti dan inovasi di UiTM. Di majlis ini, pemenang bagi Anugerah Kolej Cemerlang 2014 and Anugerah Pejabat Berintegriti telah diumumkan. Anugerah Kolej Cemerlang 2014 dimenangi oleh Kolej Kediaman Delima manakala pemenang bagi Anugerah Pejabat Berintegriti UiTM 2014 ialah Pejabat Pendaftar UiTM. Kedua-dua pemenang telah menerima sebuah piala dan sijil penghargaan. Acara kemuncak majlis ialah penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2013 kepada 709 staf akademik dan pentadbiran dari UiTM Shah Alam.

Pemenang-pemenang AKNC juga diumumkan pada majlis ini. UiTM Perak telah berjaya menjadi Juara Keseluruhan bagi Anugerah Kualiti Naib Canselor 2014 dan Johan Kampus Negeri serta juara bagi tiga (3) kategori lain iaitu Tumpuan Kepada Proses, Hasil Pencapaian dan Inovasi. Hadiah merupakan cek bernilai RM 25,000.00, sebuah piala dan

sijil penghargaan (rujuk Perkara 5.1).

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah memenangi kategori Johan Fakulti dan Perpustakaan Tun Abdul Razak telah memenangi kategori Johan Bahagian/Unit/Pusat. Kedua-duanya telah menerima cek bernilai RM 5,000.00, sebuah piala serta sijil penghargaan.

Di penghujung majlis ini, Penolong Naib Canselor (PNC) InQKA, Yang Berusaha Professor Dr Hj Hazman Shah Abdullah, telah mengetuai bacaan ikrar kualiti oleh semua hadirin dan juga telah mengumumkan penganjur Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM bagi tahun 2015 iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Majlis gilang gemilang ini telah berjaya dianjurkan dengan penuh harmoni dan lancar oleh penganjur tahun 2014 iaitu Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Naib canselor UiTM telah merasa amat berpuas hati dengan kelancaran dan suasana majlis yang dianjurkan oleh ACIS ini. Tahniah diucapkan kepada ACIS kerana telah menganjurkan sebuah majlis yang penuh meriah dan islamik.

Gambar-gambar Sekitar Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM



5.4.1 Penganjur Bulan Inovasi UiTM 2010-2014

Pemilihan penganjur Bulan Inovasi UiTM telah dijalankan oleh InQKA serta keputusannya telah dipersetujui oleh Naib Canselor UiTM. Pencalonan dibuat oleh InQKA dan penganjur akan disenaraikan. Seterusnya pemilihan penganjur dibuat berpandukan beberapa kriteria dan diumumkan di dalam Majlis Kemuncak tahun sebelumnya. Senarai penganjur Bulan Inovasi sejak tahun 2010 ialah seperti berikut:

- Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEP) – 2010
- Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat – 2011
- Fakulti Kejuruteraan Awam – 2012
- Fakulti Filem, Teater & Animasi – 2013

6.0 Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK)

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) di UiTM diteruskan dengan misi memperbaiki mutu kerja dan menambahbaik sistem kerja jabatan dengan memberi peluang kepada warga UiTM untuk menggilap kebolehan individu yang terlibat dan meningkatkan kompetensi diri melalui konvensyen yang dijalankan.

Sehingga kini, banyak projek yang telah dihasilkan oleh kumpulan-kumpulan KIK di UiTM. Mulai tahun 2014, semua projek-projek KIK yang dihasilkan telah di bawa ke peringkat atasan untuk dinilai dari segi keberkesanannya dan kesesuaianya untuk digunakan diseluruh UiTM dan juga dinilai untuk menentukan kesediaan produk untuk dapat dikomersialkan.

Projek-projek KIK terbaik tahun 2014 adalah hasil usaha kumpulan I-SAF UiTM Kelantan, STRIVE UiTM Pahang, EARTH-UiTm Perak dan ADAM-UiTm Perlis yang telah mewakili UiTM di beberapa Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan dan Antarbangsa dan telah mendapat pengiktirafan seperti yang ditunjukkan di dalam jadual berikut:

Jadual 7 : Pencapaian KIK di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa 2014

No.	Konvensyen	Tarikh	Tempat	Pencapaian
1.	KIK IPTA-10	8-11 April 2014	Unimas Sarawak	Tempat Ketiga bagi kedua-dua kategori Proses (I-SAF UiTM Kelantan) dan kategori Teknikal (Strive- UiTM Pahang) dan Fasilitator Terbaik : Ustaz Husaini Ab Razak (I-SAF)
2.	MPC Wilayah pantai Timur	25-27 Ogos 2014	Zenith Hotel, Kuantan Pahang	Semua kumpulan yang mewakili UiTM mendapat anugerah Emas
3.	MPC Kebangsaan	24-26 November 2014	KLCC	Semua kumpulan yang mewakili UiTM mendapat anugerah Emas
4.	ICQCC	24-26 November 2014	KLCC	Kumpulan Paradigma yang mewakili UiTM telah mendapat anugerah Emas 3 Bintang

Projek-projek baru KIK UiTM yang dihasilkan pada tahun 2014 telah dipertandingkan diperingkat Zon dan Kebangsaan seperti berikut :

Jadual 8 : Pencapaian KIK di Peringkat Zon dan Kebangsaan

No.	Konvensyen KIK Peringkat	Tarikh	Tempat	Bilangan Projek yang dipertandingkan
1.	Zon Timur	26-27 Ogos 2014	UiTM Pahang	5
2.	Zon Utara	2-3 Sept 2014	UiTM Perlis	11
3.	Zon Selatan	10-11 Sept 2014	UiTM Negeri Sembilan	9
4.	Zon Tengah	29-30 Sept 2014	InfoTech	12
5.	UiTM	20-22 Okt 2014	UiTM Melaka	26

Pada tahun 2014, lebih banyak projek KIK berasaskan P&P telah berjaya dihasilkan oleh kakitangan akademik. Salah satu projek KIK P&P juga telah memenangi Anugerah Emas di IID e-Learning yang berlangsung di SACC pada 14 November 2014.

Adalah diharapkan agar projek-projek KIK yang dihasilkan di UiTM mendapat sokongan berterusan daripada pihak atasan agar UiTM menjadi lebih efisien dalam proses pengurusan dan dapat menjana kos pendapatan daripada produk-produk yang dihasilkan.

6.1 *Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM ke 19 Peringkat UiTM 2014*

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM ke 19 Peringkat UiTM 2014 telah diadakan pada 20 hingga 22 Oktober 2014 bertempat di A'Famosa Resort Sdn Bhd. Konvensyen tahunan kali ke 19 ini telah dihadiri oleh lebih daripada 300 orang peserta yang terdiri daripada ahli kumpulan KIK, pemerhati dan jemputan daripada seluruh UiTM. Sebanyak 26 kumpulan dari zon tengah, timur, utara, selatan, Sabah dan Sarawak telah layak menyertai konvensyen ini.

Objektif konvensyen ialah untuk mempertandingkan hasil-hasil inovasi dan kreativiti oleh kumpulan-kumpulan KIK dari seluruh UiTM serta untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat di dalam KIK. Kumpulan-kumpulan KIK perlu membuat persembahan kepada para juri tentang produk atau sistem yang dihasilkan. Konvensyen KIK ini ialah satu platform dimana ahli dapat mengenangkan hasil inovasi mereka dan berkongsi ilmu serta memikirkan kaedah penambahbaikan yang sesuai bagi seluruh sistem UiTM. Warga UiTM yang tidak terlibat secara langsung juga dapat diperkenalkan kepada inovasi yang telah dihasilkan dan menimba ilmu untuk menghasilkan inovasi bermutu di masa akan datang.

6.1.1 Pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat UiTM 2014

Berikut ialah senarai pemenang bagi konvensyen tersebut:

Johan

AKAR (PERPUSTAKAAN, UiTM JOHOR)

Naib Johan

PROSERVE (PEJABAT TEKNOLOGI MAKLUMAT, UiTM SHAH ALAM)

Tempat Ketiga

TECHNOVATORS (FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UiTM PAHANG)

Berikut pula ialah senarai penerima anugerah mengikut kategori:

Anugerah Inovasi ICT

P-TECH (UiTM SHAH ALAM)

Anugerah Inovasi Proses

PROSERVE (UiTM SHAH ALAM)

Anugerah Inovasi Teknikal

AKAR (UiTM JOHOR)

Anugerah Inovasi P&P

IGNITE (UiTM PERAK)

Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik

ADAM (UiTM PERLIS)

Anugerah Penjanaan Kos Sebenar Terbaik

AKAL (UiTM PERLIS)

Anugerah Kumpulan Berpotensi

MAGNUM OPUS (UiTM MELAKA)

Anugerah Fasilitator Terbaik

AKAR (UiTM JOHOR)

Anugerah Dokumentasi Terbaik

PARADIGMA (UiTM KELANTAN)

Anugerah Persembahan Terbaik

KRISTAL (UiTM PULAU PINANG)

7.0 Projek Khas Naib Canselor (VCSP)

Kempen Anti -Plagiarisma adalah satu projek khas yang diilhamkan oleh Naib Canselor UiTM atas beberapa rasional¹. Memasuki tahun kelima semenjak ia dilancarkan pada April 2010, projek ini masih diteruskan walaupun telah berjaya mencapai objektif pelaksanaannya pada tahun 2013².

7.1 Aktiviti Yang Dijalankan

Meneruskan usaha murni yang berpaksikan kepentingan menjamin kualiti dan integriti akademik di kalangan warga UiTM, InQKA terus memainkan peranan menambahbaik serta memurnikan projek tersebut dengan mengambil langkah-langkah berikut sepanjang tahun 2014 :

- Meneruskan langganan sejumlah 26,000 lesen Turnitin bagi pelajar sepenuh masa tahun akhir.
- Memberi khidmat penerangan tentang plagiarisma dan penggunaan Turnitin di Fakulti dan Kampus Cawangan.
- Memantau pendaftaran dan penggunaan Turnitin serta bentuk bantuan dan pencegahan yang diambil PTJ, melalui Audit Luaran InQKA.
- Melancarkan Soal Selidik Kajian Plagiarisma Pelajar (Siri Kedua) secara atas talian pada Disember 2014
- Melancarkan Soal Selidik Kajian Plagiarisma Pensyarah (Siri Pertama) secara atas talian pada bulan Oktober dan Disember 2014.

(Nota : Kajian plagiarisma masih di peringkat pengumpulan data. Analisa penemuan oleh itu masih belum dilaksanakan)

7.2 Impak

Impak dapat dilihat pada dua (2) sudut iaitu:

¹ Rasional Projek Kempen Anti Plagiarisma :

- i) UiTM tidak mempunyai satu polisi serta garis panduan mengenai plagiarisma yang jitu dan menyeluruh sebagai panduan untuk mengatasi masalah serta bentuk tindakan menanganiinya secara konsisten, sah dan adil bagi semua pihak.
- ii) Sistem penilaian akademik berdasarkan Kurikulum OBE lebih menjurus kepada penilaian secara berterusan dari peperiksaan akhir. Ini membuka lebih besar ruang dan peluang kepada pelajar untuk terjebak ke arah plagiarisma.
- iii) Perisian Turnitin yang mampu mengesan dan seterusnya mencegah kes/perlakuan plagiarisma hanya dikenakan dan dikuatkuasa ke atas pelajar pasca siswazah.

²Objektif projek anti plagiarisma secara dasarnya adalah untuk :

- i) meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar dan pensyarah mengenai isu plagiarisma,
- ii) merencanakan strategi menangani/ memerangi masalah plagiarism secara jelas dan menyeluruh, dan
- iii) memastikan semua perancangan dilaksana, dipantau, dinilai dan ditambah baik secara berterusan

7.2.1 Pelajar

- Kesedaran tentang isu plagiarisma meningkat. (Melalui Kempen, Sesi Penerangan dsb)
- Mengamalkan sikap yang lebih bertanggung jawab serta menjaga integriti di dalam menghasilkan tugas akademik. Sejumlah 27,858 pelajar telah mendaftar penggunaan Turnitin dan sebanyak 52,049 tugas bertulis telah disemak menggunakan Turnitin pada tahun 2014. (Sumber : UiTM Turnitin Subscription, apexknowledge 2014)
- Memahami dan mempraktikkan kaedah-kaedah yang betul di dalam menghasilkan tugas akademik, serta mempunyai panduan / rujukan yang jelas bagaimana kesalahan plagiarisma boleh dielakkan. (Menggunakan Buku Panduan “Avoiding Plagiarism: A Guide for Students”)
- Mengetahui akan akibat yang akan ditanggung seandainya terjebak dalam isu plagiarisma (Melalui Polisi dan Bentuk Hukuman)

7.2.2 Pensyarah

- Lebih bertanggung jawab dalam memberi sesi penerangan (oral/bertulis) kepada pelajar tentang plagiarisma. (Pekeliling Arahan HEA). Seramai 2,895 pensyarah telah mendaftar dengan Turnitin pada 2014.
- Sentiasa memberi peringatan kepada pelajar tentang perlakuan yang boleh menjerumus kepada plagiarisma semasa menghasilkan tugas, usaha pencegahan dan penalti/hukuman ke atas pelaku plagiarisma . (Buku Panduan “Understanding Plagiarism; A Guide for Lecturers”, Polisi UiTM, Turnitin, External Reviews)
- Mengambil tindakan yang betul, adil dan sah apabila berdepan dengan kes plagiarisma (Manual dan Polisi Plagiarisma UiTM)
- Memberi pemahaman yang konsisten kepada semua pelajar tentang semua aspek mengenai plagiarisma (Buku “Understanding Plagiarism; A Guide for Lecturers”)

7.3 Rumusan Projek Dan Fokus Masa Depan

Secara amnya, Projek Anti Plagiarisma di UiTM berjaya dilaksanakan seperti yang diamanat, diamanah dan diharapkan. Walaupun InQKA menjadi peneraju utama, namun sukar untuk menafikan peranan pihak-pihak lain yang sama-sama menyumbang kejayaan projek secara keseluruhan, terutamanya Jawatankuasa Plagiarisma UiTM, HEA, PTJ, ILQAM, IPSis, Penasihat Undang-Undang dll.

InQKA berkeyakinan tinggi bahawa segala usaha murni yang telah dilaksana ini bukan sahaja berjaya menepis, mengekang dan mengatasi masalah plagiarisma, malah menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran di universiti tercinta ini satu pengalaman yang benar-benar bersifat transformatif, berharga, berintegriti dan berkualiti . Impak positif yang besar kepada seluruh warga UiTM pasti mampu meningkatkan keyakinan semua pihak akan kualiti graduan keluaran UiTM.

8.0 *Penerbitan, ICT dan Komunikasi*

Penerbitan, ICT dan Komunikasi berperanan sebagai mekanisma penyampaian maklumat mengenai semua aktiviti kualiti yang dianjurkan oleh InQKA dan juga yang telah dijalankan di PTJ. Fokus kepada rekabentuk grafik untuk bahan terbitan InQKA samada dalam bentuk bercetak atau digital ialah peranan utama portfolio ini selain memberi perkhidmatan teknikal seperti menyelenggara dan menyediakan peralatan ICT kepada staf InQKA serta menyelenggara sistem pelaporan audit dalaman SePADU bagi semua PTJ.

8.1 *Penerbitan*

Penerbitan InQKA telah menghasilkan hampir 30 rekabentuk sepanjang tahun 2014 sebagai banner di laman web InQKA antaranya ialah ucapan perayaan keagamaan seperti Maulidur Rasul dan ucapan Selamat Hari Raya dan juga ucapan perayaan nasional seperti Ucapan Tahun Baru, Hari Merdeka dan Hari Malaysia. Penerbitan juga telah menyediakan rekabentuk muka hadapan untuk Laporan Self Review Portfolio 2014 di samping meneruskan tugas menyediakan kulit hadapan Laporan Penilaian Luar InQKA. Rekabentuk juga disediakan untuk papan tanda elektronik (digital board) yang terletak di kedua-dua pintu masuk utama UiTM untuk memaklumkan aktiviti AKNC dan aktiviti audit.



Penerbitan juga membantu memeriahkan lagi Pembentangan Akhir AKNC dengan menghasilkan montaj sepanjang 4 minit dengan kerjasama unit ICT iLQAM pada tahun lepas. Untuk makluman dalaman, Penerbitan InQKA juga telah menghasilkan rekabentuk bagi ucapan Selamat Hari Lahir kepada semua staf InQKA serta ucapan tahniah untuk kelahiran cahayamata, perkahwinan, dan kenaikan pangkat.




Penerbitan ICT InQKA juga telah menerbitkan e-book bagi tujuan perkongsian maklumat berkenaan kualiti di InQKA dan UiTM amnya. Buku elektronik (e-book) ini telah dapat diterbitkan sebanyak 3 edisi sepanjang tahun 2014 iaitu Edisi Cawangan, Edisi InQKA dan Edisi Khas.

8.2 *ICT dan Komunikasi*

Sistem Pelaporan Audit Dalam atau SePADU yang dibangunkan bagi tujuan melaporkan penemuan audit dalaman diselenggara oleh seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di InQKA. SePADU yang telah diwajibkan penggunaannya semenjak tahun 2012 dibangunkan dengan tahap keselamatan yang tinggi demi menjaga keselemanatan maklumat yang tersimpan (laporan audit) di dalam pangkalan data sisterm tersebut.

InQKA akan meneruskan misi penambahbaikan kepada sistem ini supaya auditor akan lebih mudah melaporkan hasil audit. Atas tujuan itu, satu perbincangan telah diadakan dengan pihak InfoTech untuk menjadikan SePADU lebih mesra pengguna. Pembaharuan yang dibuat oleh Infotech akan diperkenalkan pada tahun 2015 nanti.



PUBLICATION
ICT
COMMUNICATION

Sistem e-Pelaporan Audit Dalam UiTM
<http://www.utm.edu.my/SePADU/utma.html>

SePADU or Sistem e-Pelaporan Audit Dalam Provides end-to-end functionality for managing a complete audit lifecycle from the planning stage to tracking of previous audit findings.

Benefits of SePADU:

- Provides a central, secure repository for efficient storage and access to controlled documents.
- Provides a more reliable approach and doing away with paper-based, manual processes.
- Allows for InQKA and top management to track reports and view compliance to the ISO system.
- Accelerates the review and approval cycle.



Institute of Quality & Knowledge Achievement (InQKA)
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40600 Serdang, Selangor
Malaysia | +603 9054 3600 | <http://www.utm.edu.my/SePADU/utma.html>

9.0 *Amalan 5S*

InQKA telah melancarkan program Amalan 5S pada 3 Jun 2011 di pejabatnya sendiri. Amalan 5S merujuk kepada cara penjagaan ditempat kerja ala Jepun yang juga menggunakan istilah dalam bahasa Jepun iaitu Seiri (Sisih), Seiton (Sapu), Seiso (Susun), Seiketsu (Seragam) dan Shitsuke (Sentiasa Amal). Walaupun menggunakan istilah Bahasa Jepun, namun ia amat relevan dengan sistem penjagaan kebersihan dan kekemasan di persekitaran di negara ini.

Program Amalan 5S dilaksanakan bertujuan memudahkan proses penyampaian perkhidmatan dan latihan di samping memberi pelbagai kesan positif kepada aspek pengurusan pentadbiran, pengawalan stok dan inventori serta persekitaran kerja yang kemas, bersih dan tersusun. Disamping itu, pelaksanaan 5S ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga InQKA bahawa budaya kerja yang cemerlang dapat dicapai melaluiinya.

InQKA telah membentuk Jawatankuasa Induk dan pelaksana bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Amalan 5S. Taklimat pendedahan awal Amalan 5S telah diberikan dalam pada mesyuarat kali pertama kepada warga InQKA untuk memahami konsep 5S iaitu Sisih, Sapu, Susun, Seragam, dan Sentiasa Amal.

Aras/zon diwujudkan dan aktiviti seperti program kesedaran, gotong-royong dan lawatan penandaaras telah dijalankan. Sudut-sudut Amalan 5S juga diujudkan dengan mengikuti kriteria tertentu untuk bahan-bahan yang dipaparkan di situ adalah informatif dan juga untuk memaparkan aktiviti-aktiviti 5S setiap aras/zon.

Pada 11 September 2014, Jawatankuasa Induk 5S telah mengadakan mesyuarat kali pertama bagi tahun 2014. Mesyuarat ini lebih tertumpu kepada perbincangan untuk melakukan gotong-royong mengikut aras. Gotong-royong telah dilakukan di Aras Bawah. Staf pentadbiran telah dibahagikan kepada beberapa zon mengikut kumpulan yang telah dibentuk oleh Ketua Aras Bawah. Konsep 5S – Sisih, Sapu, Susun, Seragam, Sentiasa Amal berjaya dilaksanakan pada hari tersebut. Bagi bulan berikutnya iaitu pada 16 Oktober 2014 dan 20 November 2014, aktiviti 5S dijalankan di ruang kerja masing-masing.

Amalan 5S di InQKA akan diteruskan demi penambahbaikan, peningkatan mutu dan daya pengeluaran untuk kejayaan organisasi dapat dicapai secara berterusan.

10.0 *Kursus-kursus Anjuran InQKA*

Terdapat beberapa jenis dan siri kursus yang telah dianjurkan oleh InQKA di sepanjang tahun 2014 bagi menyokong pelaksanaan dan menguatkan lagi SPK universiti selain memberikan pengetahuan dan kepakaran kepada para penilai AKNC dan KIK. Di antaranya ialah kursus Ketua Juruaudit, Kursus Audit Dalaman, Kursus Kawalan Dokumen dan Kursus Menyelenggara SPK Secara Berkesan yang dikhaskan untuk Wakil Pengurusan dan Ketua Unit Kualiti.

10.1 *Kursus Audit Dalaman (KAD)*

Kursus Audit Dalam (KAD) merupakan kursus tiga (3) hari yang bertujuan untuk memberi kefahaman komprehensif mengenai Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Peserta yang dicalonkan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) masing-masing bakal dilantik sebagai auditor dalaman. Staf akademik dan pentadbiran yang ingin memahami keperluan ISO 9001:2008 dengan lebih mendalam juga dialu-alukan untuk menyertai kursus ini. Jumlah peserta yang telah menghadiri kursus ini pada 2014 ialah seramai 314 orang.

Bermula Februari hingga November 2014, tujuh (7) siri Kursus Audit Dalam telah dijalankan. Hasil kajiselidik keberkesanan kursus sehingga kini menunjukkan bahawa tahap kefahaman peserta mengenai keperluan ISO 9001:2008 adalah baik selepas menghadiri kursus kerana peserta telah meletakkan skala 4 (Faham) bagi prinsip kualiti dan keperluan ISO serta Audit.

Disertakan jadual KAD bagi tahun 2014 serta analisa keberkesanan kursus tersebut:


Jadual 9 : Kursus Audit Dalaman Sepanjang 2014

Siri Kursus	Tarikh	Tempat/Anjuran	Bilangan Peserta	Fasilitator
01/2014	26 - 28 Februari 2014	Bilik Seminar, Perpustakaan INTEC, UiTM Seksyen 17/ Fakulti Pendidikan	10	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Hjh Rosida Ahmad Junid
02/2014	21 - 23 April 2014	Dewan Bestari, Kolej Mawar, UiTM Shah Alam/InQKA	71	1. Prof Madya Norhayati Ahmad 2. Pn Hjh Wan Razifah Wan Ahmad
03/2014	26 - 28 Mei 2014	Dewan Serbaguna, UiTM Perak/UiTM Perak	15	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Hjh Rosida Ahmad Junid
04/2014	23 - 25 Jun 2014	Makmal 1, UiTM Sabah/UiTM Sabah	30	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Norlis Osman
05/2014	18 - 20 Ogos 2014	Dewan Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam	65	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Norlis Osman
06/2014	10-12 November 2014	Dewan Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam	33	1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Norlis Osman
07/2014	22-24 November 2014	Bilik Sarjana UiTM Sarawak		1. Cik Nadzira Yahaya 2. Pn Norlis Osman

10.1.1 Analisa Kursus Audit Dalaman (KAD)


Seperti kebiasaannya, selepas berakhirnya kursus, pihak InQKA akan mengedar borang maklumbalas kepada peserta untuk menilai keberkesanan kursus. Hasil maklumbalas akan dibuat analisa ringkas supaya InQKA dapat membuat penamaian kepada mana-mana aspek yang perlu. Data yang diperolehi mendapati bahawa kursus Audit Dalaman InQKA masih relevan dan menepati keperluan peserta.

Carta 4 menunjukkan tahap kefahaman peserta bagi kriteria "Prinsip Kualiti" dan "Keperluan ISO". Kedua-dua kriteria ini penting dalam memahami piawaian ISO secara keseluruhan.



Carta 4 : Keberkesanan Kursus Audit Dalam Bagi 2 Kriteria

Carta 5 pula menunjukkan tahap kefahaman peserta mengenai kriteria audit yang digunakan sewaktu menjalankan audit dalaman samada sebagai auditor atau auditee.




Carta 5 : Kefahaman Kriteria Audit

Gambar-gambar Sekitar Kursus Audit Dalaman 2014




10.2 *Kursus Kawalan Dokumen*

Kursus Kawalan Dokumen (KKD) adalah kursus satu hari yang bertujuan untuk melengkapkan diri peserta dengan pengetahuan dan cara mengawal dokumen yang berkesan mengikut piawaian ISO 9001:2008. Peserta kursus ini adalah terdiri dari Pengawal Dokumen dan Pakar Rujuk setiap PTJ. Seramai lebih kurang 86 orang peserta dari UiTM seluruh Malaysia telah menghadiri kursus ini yang berlangsung di Dewan Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam pada 1-3 Disember 2014. Lebih 75% dari peserta mengakui bahawa kursus ini telah meningkatkan pengetahuan mereka yang mana pengetahuan ini dapat digunakan dalam tugasannya harian bagi memenuhi objektif kursus iaitu untuk memantapkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti universiti dengan pengawalan dokumen yang betul dan berkesan. Disertakan hasil kajiselidik yang menunjukkan kesan positif Kursus Kawalan Dokumen ini terhadap peserta.




Carta 6 : Kandungan syarahan menambah pengetahuan saya

Pengalaman dari program ini berguna dalam tugasan harian saya




Carta 7: Pengalaman dari program berguna dalam tugas harian saya

Sebahagian besar pertanyaan saya sebelum menghadiri program telah terjawab




Carta 8 : Sebahagian besar pertanyaan saya telah terjawab

Tujuan program telah dipenuhi



Carta 9 : Tujuan program telah dipenuhi




Carta 10 : Saya berpuashati dengan peningkatan pemahaman saya


10.3 *Kursus Menyelenggara Sistem Pengurusan Kualiti Secara Berkesan*

Kursus Menyelenggara Sistem Pengurusan Kualiti Secara Berkesan ini adalah kursus dua hari yang bertujuan untuk memberi panduan dan pemahaman kepada peserta mengenai Sistem Pengurusan Kualiti mengikut piawaian ISO 9001:2008. Peserta kursus adalah terdiri daripada Wakil Pengurusan dan Ketua Unit Kualiti dari setiap PTJ. Seramai 57 orang peserta dari UiTM seluruh Malaysia telah menghadiri kursus ini yang diadakan di Dewan Bestari, Kolej Mawar, UiTM Shah Alam pada 8-9 Disember 2014 dan di Bilik Seminar ILQAM, UiTM Shah Alam pada 15-16 Disember 2014. Oleh kerana peserta kursus ini terdiri dari Ahli Pengurusan yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan penyelenggaraan sistem kualiti di PTJ masing-masing, peningkatan pengetahuan yang terhasil dari kursus ini akan dapat memberikan impak yang lebih besar terhadap Sistem Pengurusan Kualiti universiti.


Disertakan hasil kajiselidik yang menunjukkan kesan positif kursus Menyelenggara Sistem Pengurusan Kualiti Secara Berkesan yang mana telah diakui oleh lebih dari 70% peserta yang mengikutinya.




Carta 11 : Pengalaman dari program berguna dalam tugas harian saya



Carta 12 : Sebahagian besar pertanyaan saya telah terjawab



Carta 13 : Saya berpuashati dengan peningkatan pemahaman saya




Carta 14: Tajuk perbincangan sangat berguna dalam bidang tanggungjawab dan tugas saya

10.4 *Kursus KIK Pengajaran dan Pembelajaran*

Kursus Kumpulan Inovatif dan Kreatif Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) telah diadakan pada 17 dan 18 April 2014, bertempat di Dewan Melati Perak, Kolej Melati UiTM Shah Alam. Seramai 35 peserta telah turut hadir menjayakan program tersebut. Objektif utama kursus ini adalah bagi mewujudkan kumpulan Inovatif dan kreatif yang memberi tumpuan khas terhadap pembangunan dan inovasi P&P di kalangan warga UiTM. Ini adalah kerana kurangnya kumpulan Inovatif dan Kreatif yang tertumpu dalam pembangunan dan inovasi P&P. Pembangunan dan inovasi P&P ini adalah penting kerana pendidikan adalah perkhidmatan utama UiTM. Justeru itu inovasi P&P adalah penting untuk mewujudkan proses penyampaian ilmu itu berlaku secara berkesan dan menarik seterusnya menghasilkan graduan yang lebih berkualiti. Semoga UiTM menjadi pelopor dalam menghasilkan inovasi kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Malaysia.

10.4.1 *Analisa Kursus*

Maklumbalas yang diterima telah menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kursus yang telah dijalankan. Berikut ialah analisa bagi kursus KIK P&P:



BIL	CRITERIA	AVERAGE BY CRITERIA	RESPONDEN
1	Conduct	4.19	28
2	Content	3.97	
3	Speakers	4.49	
4	General	4.22	

Carta 15 : Purata Tahap Kepuasan Peserta Kursus KIK PnP

10.5 *Bengkel SePADU (Sistem e-Pelaporan Audit Dalam UiTM)*

InQKA telah mengadakan Bengkel Sistem e-Pelaporan Audit Dalam UiTM (SePADU) yang bertujuan membolehkan auditor dalaman UiTM menggunakan sistem ini untuk melaporkan penemuan audit dalaman yang dijalankan. Fasilitator bengkel adalah Puan Siti Nor Juhirniza Mior Mohd Tahir (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat) dan Puan Hairina Ahmad Bakri (Pegawai Eksekutif) dengan dibantu oleh Puan Ainul Zanariah Hj Abd Aziz (Ketua Penerbitan, ICT dan Komunikasi). Peserta bengkel adalah terdiri daripada Ketua Sistem Audit (KSA), Timbalan Ketua Sistem Audit (TKSA) dan para Auditor Dalaman. Berdasarkan statistik maklumbalas yang diterima, peserta lebih cenderung kepada menggunakan pelaporan secara atas talian berbanding manual. Sepanjang tahun 2014, bengkel SePADU hanya diadakan sekali sahaja kerana kursus telah diberikan sepanjang tahun 2012 dan 2013. Tahun 2014 dikhaskan kepada pengguna yang baru dilantik (KSA dan TKSA) yang tidak pernah didedahkan kepada SePADU sebelum ini.

11.0 *InQKA Sebagai Sekretariat*

InQKA juga berperanan sebagai Sekretariat menghubungkan UiTM dengan badan-badan luar seperti MQA dan Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam semua urusan berkaitan kualiti. Pada tahun 2014, InQKA telah bertindak sebagai Sekretariat bagi dua (2) majlis - Audit Kesediaan Autonomi dan Mesyuarat JKMKSP.

11.1 *Audit Kesediaan Autonomi*

UiTM telah menjalani Audit Kesediaan Autonomi 2014 pada 17 hingga 19 Mac 2014 bertempat di Bilik LPU Bangunan Canseleri, UiTM Shah Alam. InQKA telah bertindak sebagai Sekretariat dengan kerjasama jabatan-jabatan seperti Pendaftar, Bendahari dan Bahagian Hal Ehwal Akademik dalam menjayakan audit ini.

Audit ini telah dikendalikan oleh panel yang terdiri dari pakar dari institusi seperti SIRIM dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Skop pengauditan untuk audit yang julung kali dijalankan ini ialah seperti berikut: Governans Institusi, Governans Kewangan, Sumber Manusia dan Governans Akademik. Senarai panel auditor ialah seperti berikut:

Jadual 10 : Senarai Panel Auditor Audit Kesediaan Autonomi

Komponen	Auditor Pakar/Organisasi	Pakar Rujuk
Governans Institusi	En. Safuan Idris / SIRIM Pn. Saadah Enok / SIRIM Dr Daud Talib / MPC	En. Ahmad Shahab Din (Malaysian Institute of Corporate Governance)
Governans Kewangan	En. Dzulkifli Sipon / Synergy Lean Consulting Pn Rokiah Aziz / Sastera Tujuh Enterprise Dr Mazrina Mohd Ibramsah / MPC	Tn Hj Anuar Mohamad (Mantan Bendahari UiTM)
Sumber Manusia	Dr Rahmat Md. Smail / MPC En. Mokhzani Aris Mohd Yusoff / MPC Pn Rosmiza Rosly / MPC	
Governans Akademik	Dr Ida Md. Yassin / MPC En Wan Ariff Wan Hussain / MPC Pn Nor Aini Talib / MPC	Prof Emeritus Dr Muhamad Awang (Naib Canselor, Kolej Universiti SEGI)

Di pihak UiTM pula, auditee adalah terdiri daripada ahli pengurusan tertinggi (LPU) termasuk Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Noordin (Pengerusi LPU) dan Dato' Maznah Abdul Jalil (Ahli LPU dan juga Naib Canselor UiTM sendiri, Tan Sri Dato' Sri Prof Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar. Kerjasama erat di antara para auditee telah membolehkan proses audit berjalan dengan lancar.

Gambar-gambar Sekitar Audit Kesediaan Autonomi 2014



Hasil audit bagi setiap komponen yang dibentangkan semasa mesyuarat penutup telah dirumuskan mengikut kategori Amalan Terbaik, Pengukuhan dan Syor.

11.2 Mesyuarat JKKMKSP

JKKMKSP ialah jawatankuasa yang ditubuhkan sebagai membuat persediaan di peringkat awal (Pra-MKSP) sepertimana yang telah diluluskan oleh JKE dalam Mesyuarat Bil. 11/2013 pada 19 Ogos 2013. Mesyuarat kali kedua JKKMKSP ini telah diadakan pada 22 Julai 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat IPSis.

Tujuan mesyuarat diadakan ialah untuk memperincikan laporan daripada semua bahagian yang termasuk di dalam skop pensijilan ISO 9001 di peringkat korporat. Manakala bagi PTJ yang mempunyai pensijilan sendiri, pelaporan ringkas sahaja yang perlu dibentangkan melainkan terdapat isu penting yang dirasakan perlu untuk diberi perhatian oleh MKSP (i.e JKE). Perkara-perkara yang dibincangkan ialah sebagai memenuhi **Klausula 5.6** dalam piawaian **ISO 9001:2008**.

Agenda mesyuarat ialah seperti berikut:

- Laporan Audit Dalam.
- Laporan Audit Luar InQKA.
- Aduan dan Maklumbalas Pelanggan.
- Prestasi Proses dan Keakuratan Produk
- Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi.
- Status Tindakan Pencegahan dan Tindakan Pembetulan.
- Tindakan Susulan daripada Kaji Semula Pengurusan yang lepas - Minit JKKMKSP dan MKSP.
- Perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti UiTM.
- Cadangan Penambahbaikan.
- Laporan Status Pencapaian Objektif Kualiti UiTM.

InQKA telah bertindak sebagai Sekterariat bagi mesyuarat tersebut.

Gambar-gambar Sekitar Mesyuarat JKK MKSP



11.3 Lawatan Naziran

UiTM telah menerima lawatan naziran daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) pada 12 November 2014. Lawatan ini adalah bertujuan meneliti aspek-aspek pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan, menilai prestasi program/projek pembangunan yang menerima peruntukan pembangunan, perbincangan mengenai penilaian outcome ke atas program/projek yang telah dilaksanakan serta menyemak pematuhan kepada pekeliling/surat pekeliling berikut:

- Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998;
- Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007
- Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012

Jabatan yang terlibat secara langsung dengan perkara-perkara ini adalah Pejabat Bendahari, Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik, Bahagian Pembangunan, Pejabat Pengurusan Fasiliti, Jabatan Komunikasi Korporat, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Pentadbiran dan Sekretarian, Pejabat Pendaftar, Unit Integriti dan InQKA sendiri.

Pelawat naziran terdiri daripada Puan Mutazira binti Abdul Mubin, Timbalan Pengarah, selaku Ketua, Encik Mohd Sufian bin Hassan, Timbalan Pengarah dan Puan Noraisyah binti Khairuddin, Penolong Pengarah. Secara umumnya, pihak ICU berpuas hati dengan perkara-perkara yang diaudit. InQKA juga berterima kasih kepada semua PTJ yang terlibat dalam penyediaan dokument serta penjelasan ke atas persoalan pihak ICU semasa sesi lawatan naziran tersebut.

Gambar-gambar Sekitar lawatan Naziran



11.4 Perakuan Status Swaakreditasi

UiTM telah dipelawa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diberikan status swaakreditasi selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia dan InQKA diamanahkan sebagai tunjang utama di dalam menyediakan satu laporan Portfolio Penilaian Kendiri UiTM dan menyelaras lawatan audit oleh MQA pada tahun 2015. Taklimat kepada semua universiti yang dipelawa telah diadakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 20 Mei 2014. Pihak pengurusan Universiti telah bersetuju untuk menerima pelawaan ini di mana fi sebanyak RM200,000.00 yang dikenakan oleh pihak MQA telah diluluskan dengan menggunakan peruntukan Dana Kecemerlangan UiTM.

Dengan persetujuan ini, UiTM akan tertakluk kepada audit institusi yang akan dilakukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. InQKA telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Laporan Self Review Portfolio (SRP) UiTM untuk kegunaan audit tersebut. Selaras dengan itu, penulis laporan bagi setiap bahagian SRP dikenalpasti dan bengkel untuk semua Penulis Utama diadakan pada 08 Ogos 2014 manakala bengkel untuk keseluruhan pasukan penulis laporan telah diadakan pada 29 Ogos 2014.

Cabarani besar yang dihadapi oleh pasukan penulis ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan bukti-bukti berkaitan proses-proses yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Laporan Self Review Portfolio ini (SRP) telah berjaya disiapkan untuk dihantar ke pihak MQA.

Adalah diharapkan dengan Laporan SRP yang komprehensif ini, pasukan audit daripada MQA yang akan menilai UiTM dengan lebih mudah. Seterusnya semoga penilaian yang dibuat nanti akan melayakkan UiTM diberi status swaakreditasi.

12.0 *Penutup*

InQKA selaku badan yang memangkin jaminan kualiti di UiTM telah berjaya melaksanakan semua aktiviti yang dirancang pada tahun 2014. Diakui satu amanah yang bukan mudah, kerjasama, sokongan serta bantuan yang diberikan oleh semua pihak telah memudahkan, meringankan dan memungkinkan InQKA menggalas tanggungjawab dengan jayanya.

Tahun 2015 bakal menyaksikan InQKA terus mengorak langkah meningkatkan budaya kualiti dalam semua aspek. Tugas sedia ada akan diteruskan dan dipertingkatkan serta tugas yang baru akan dilaksana dan direalisasikan. InQKA bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai pengamal dan pejuang kualiti di UiTM dengan lebih profesional dan penuh semangat.



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor